

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB SENATOR DR. NUING JELUING

TARIKH : OKTOBER 2021

SOALAN

YB SENATOR DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah saman kesalahan jalan raya yang dilakukan kepada warga asing di Sarawak dan bagaimana Kerajaan memastikan kutipan saman ini dilangsaikan sebelum dan selepas mereka meninggalkan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia sentiasa berterusan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan peraturan jalan raya ke atas semua pemandu warganegara asing yang memandu kenderaan di seluruh Negeri Sarawak. Sebarang pelanggaran terhadap kesalahan lalu lintas akan diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Dari tahun 2019 sehingga kini, JPJ Negeri Sarawak telah mengeluarkan sebanyak 1,460 notis kepada kenderaan pendaftaran asing, yang didapati melakukan kesalahan semasa menggunakan kenderaan di dalam negeri berkenaan. Daripada jumlah kes tersebut, sebanyak 992 kes telah diselesaikan. Manakala 468 kes yang belum diselesaikan telah di bawa ke mahkamah dan telah di senarai hitam bagi tujuan menyekat sebarang urusan transaksi di JPJ.

SOALAN NO. 54

Antara urusniaga yang boleh disekat adalah permohonan pengeluaran International Circulation Permit (ICP) kepada kenderaan daripada Indonesia. Apabila kenderaan tersebut telah di senarai hitam, permohonan ICP tidak akan dipertimbangkan dan kenderaan tersebut tidak akan dibenarkan memasuki Malaysia.